


## **Pengenalan**

Jabatan Patologi adalah merupakan jabatan yang menawarkan perkhidmatan diagnostik kepada Hospital Sultanah Nur Zahirah, hospital daerah dan klinik kesihatan seluruh negeri Terengganu. Jabatan ini terdiri daripada 4 disiplin utama yang dianggotai oleh pelbagai kategori jawatan. Jabatan ini telah mendapat persijilan akreditasi MS ISO 15189:2014 (Makmal Perubatan – Keperluan khusus untuk Kualiti dan Kecekapan) dari Jabatan Standard Malaysia (DSM) bermula dari 2015 sehingga sekarang.

## **Objektif**

- 1) Memberikan perkhidmatan diagnostik yang memenuhi keperluan pelanggan
- 2) Memberikan perkhidmatan diagnostic mengikut prinsip Good Laboratory Practice (GLP) dan memenuhi piawaian MS ISO 15189:2014 dan atau lain-lain piawaian yang berkaitan.
- 3) Memenuhi indicator kualiti seperti National Indicator Approach (NIA)
- 4) Mengutamakan pembangunan sumber manusia yang berilmu, cekap dan mahir melalui latihan dan pembelajaran berterusan.
- 5) Menyediakan suasana pekerjaan yang harmoni dan kondusif dan memenuhi kehendak akta-akta tertentu.

## Struktur organisasi



Jabatan Patologi terdiri daripada 4 unit iaitu:

- 1)Unit Patologi Kimia & Dadah
- 2)Unit Mikrobiologi (Bakteriologi, Serologi, Molekular dan TB)
- 3)Unit Patologi Anatomik (Histopatologi dan Saitologi)
- 4)Unit Hematologi

Unit Patologi Kimia, Mikrobiologi, Patologi Anatomik dan Hematologi diketuai oleh Pakar Patologi.

Selain menawarkan perkhidmatan diagnostik, jabatan ini juga bertindak sebagai pusat latihan untuk pelbagai peringkat dan kategori kakitangan termasuk Juruteknologi Makmal Perubatan, Pegawai Sains, dan pelajar-pelajar dari institusi pengajian tinggi dalam bidang-bidang tertentu.

Perkhidmatan yang disediakan :

Perkhidmatan makmal patologi dilaksanakan secara profesional, berinovasi, berkualiti dengan mengutamakan pelanggan yang merangkumi disiplin-disiplin berikut:

- 1)Patologi Kimia (Ujian Kimia Rutin, Hormon, Tumor marker, Body fluid analysis, Drug of Abuse analysis dan Therapeutic Drug Monitoring)
- 2)Mikrobiologi perubatan (Bakteriologi, Serologi, Immunologi, Molekular, TB)
- 3)Hematologi
- 4)Patologi Anatomik (Histopatologi dan Saitologi)

## Jadual Perkhidmatan

Lokasi Penerimaan Spesimen	Masa Penerimaan	Jenis-jenis spesimen yang diterima
Kaunter Makmal Integrasi Samb. 2120/2977	24 jam termasuk hari minggu dan cuti umum	<i>Routine / URGENT</i> (Patologi Kimia, Hematologi, Serologi, Mikrobiologi)
Kaunter Makmal Dadah Samb. 2865	Ahad – Rabu: 8.00 pagi – 4.45 ptg Khamis: 8.00 pagi – 3.15 ptg	Rutin
Kaunter Patologi Anatomik (Histopatologi / Saitologi) Samb. 3000	Ahad – Rabu : 8.00 pagi – 5.00 ptg Khamis : 8.00 pagi – 3.30 ptg	Rutin / <i>URGENT</i>

### Lokasi

Unit-unit di Jabatan Patologi Hospital Sultanah Nur Zahirah terletak di lokasi-lokasi berikut: a) Makmal Utama

Ia terdiri daripada Unit Integrasi (Patologi Kimia dan Hematologi), Mikrobiologi, Patologi Anatomik (Histopatologi dan Sitologi). Unit-unit ini terletak di tingkat bawah blok utama Hospital Sultanah Nur Zahirah.

b) Makmal Satelit

Ia terdiri daripada Makmal Molekular, dan Makmal Dadah.

i) Makmal Molekular - Terletak di Kompleks Rawatan Harian (DCC) ii) Makmal Dadah - Terletak di bangunan Makmal Dadah, 50 meter dari makmal utama

### SOP Jabatan

Klik pautan ini ( [Link to handbook pathology](#) ) untuk maklumat lanjut mengenai unit dan perkhidmatan yang disediakan.

## Aktiviti Jabatan

- 1) Konvensyen Inovasi Peringkat Negeri Terengganu 2022
- 2) Konvensyen Kumpulan Kreatif Dan Inovatif KKM 2023
- 3) Terengganu Research Day – Best Department In Research Award

## Galeri



## Penerbitan

- 1) Prevalence and antimicrobial susceptibility of *Acinetobacter baumannii* and non-*baumannii* *Acinetobacter* from Terengganu, Malaysia and their carriage of carbapenemase genes. Farahiyah Mohd Rani, Nor Iza A. Rahman, Salwani Ismail, Fatimah Haslina Abdullah, Norlela Othman, Ahmad Ghazi A Iattraqchi, David W. Clearly, Stuart C. Clarke and Chew Chieng Yeo. *Journal of Medical Microbiology*. 2018
- 2) Compound Heterozygous Haemoglobin E and Haemoglobin D-Punjab: A Case Report, Azly Sumanty Ab Ghani, Wan Amal Hayati Wan Hassan, Alawiyah Awang Ab Rahman, Nur Aisyah Aziz, Yuslina Mat Yusoff, *Asean Journal of Medicine and Biomedicine Universiti Sultan Zainal Abidin*. 2018.